

ABSTRAK

SITI SOBAH BINTI SULAIMAN: Bidaah Dan Khurafat Dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002. Penulisan Disertasi ini adalah untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penyelidikan ini telah dijalankan ke atas penduduk Melayu Islam di Mukim Jeram, Kuala Selangor. Dalam melaksanakan kajian ini penulis menggunakan metode soal selidik, temubual dan observasi sebagai sumber pertama dan metode historis sebagai sumber kedua. Perbincangan mengenai sunah dimasukkan dalam bab kedua manakala bidaah dan khurafat dalam bab ketiga sebagai landasan teori. Ia bertujuan memberi gambaran dan keterangan berkenaan topik kajian secara umum agar hasil penyelidikan dapat difahami dengan jelas.

Sesi soal selidik telah dijalankan selama kira-kira dua bulan ke atas 137 orang responden daripada lima buah kampung terpilih. Analisis penyelidikan ini penulis utarakan dalam bab yang keempat. Kajian mendapati pendidikan, pekerjaan serta taraf perbandaran mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap mentaliti dan tahap pemikiran masyarakat.

Berkenaan topik kajian pula dianggar lebih 70 peratus responden tidak memahami istilah bidaah, khurafat dan sunah. Hanya sebilangan kecil daripada mereka dapat menerangkan bidaah atau khurafat sebagai lawan kepada sunah.

Didapati juga pengamalan bidaah sama ada dalam ibadah, adat dan sebagainya masih berleluasa. Manakala khurafat pula semakin ditinggalkan. Selain daripada itu penulis turut menyertakan beberapa cadangan kepada pihak berwajib dan juga masyarakat supaya dengan demikian dapat mendorong mereka melakukan reformasi mental dan spiritual ke arah yang lebih baik selari dengan kehendak Islam.

ABSTRACT

SITI SOBAH BINTI SULAIMAN: *Bid'a and Khurafa* In Muslim Communities: A Study at Jeram, Selangor, Department of Islamic 'Akida And Thoughts, Faculty of Usuluddin, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 2002. This written dissertation is to fulfill requirement of Degree of Master of Usuluddin , Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

The study is done on Malay Muslim community in Jeram District, Kuala Selangor. Implementation of the study requires the author to take the approach of questionnaire, interview and observation as primary source and historical method as secondary source. Discussion on *sunna* is included into second chapter, whereas *bid'a* and *khurafa* is discussed in chapter three as theoretical base. The objective is to give general overview and description of the study's topic as to enable clear understanding.

Questionnaire session was conducted for 2 months on 137 respondents from 5 selected villagers. The study's analysis is forwarded in chapter 4. The study found out that education, jobs and urban status have relation and influence on community's mentality and level of thinking.

With relation to the study topic , it is estimated that more than 70 percent respondent do not understand definition of *bid'a*, *khurafa* and *sunah*. Only a small portion can explain *bid'a* or *khurafa* as against *sunna*. It was found that *bid'a* implementation is widespread whether in praying, culture and others. However

khurafa is diminishing. Other than that, the author has included several suggestion to the relevant authorities and the community to inspire them to reform on mental and spiritual towards betterment as required by Islam.